

1. "Lebih baik kamu menceritakan perkara sebenarnya kepada ibu kamu. _____" itu lebih baik daripada kamu terus menipu," kata Cikgu Leha kepada Zaidi.

- ☐ A Bertangguh itu pencuri masa
- ☐ B Bersatu teguh, bercerai roboh
- ☐ C Kata-kata lebih tajam daripada mata pedang
- ☐ D Berkata benarlah walaupun kebenaran itu menyakitkan

2. *Pilih peribahasa yang paling sesuai berdasarkan pernyataan yang diberikan.*

"Sebagai warganegara Malaysia, kita hendaklah sentiasa mengingati prinsip-prinsip Rukun Negara," pesan Cikgu Zaid kepada murid-muridnya.

- ☐ A hujan emas di negeri orang, hujan batu di negeri sendiri
- ☐ B di mana bumi dipijak, di situ langit dijunjung
- ☐ C bertanam tebu di pinggir bibir
- ☐ D bagai sirih pulang ke gagang

3. Dia mengecap kemewahan itu dalam masa yang singkat kerana bersikap _____.

- ☐ A seperti gergaji dua mata
- ☐ B seperti duri dalam daging
- ☐ C seperti anjing dengan kucing
- ☐ D seperti kaca terhempas ke batu

4. *Pilih peribahasa yang paling sesuai berdasarkan pernyataan yang diberikan.*

Selepas kematian ayah, Rosiah dan adik-beradiknya sering bergaduh tentang harta pusaka. Akhirnya keluarga itu telah bersatu semula apabila masalah harta pusaka tersebut berjaya diselesaikan.

- ☐ A air dicencang tidak akan putus
- ☐ B dekat bau bunga, jauh bau tahi
- ☐ C bumi mana yang tidak ditimpa hujan
- ☐ D sebab pulut santan binasa, sebab mulut badan binasa

5. Mereka pasangan kembar yang mempunyai wajah yang seiras tetapi kelakuan mereka langsung tidak sama _____.

- ☐ A seperti lipas kudung
- ☐ B seperti langit dengan bumi
- ☐ C seperti kera mendapat bunga
- ☐ D seperti kerbau dicucuk hidung

6. *Pilih peribahasa yang paling sesuai berdasarkan pernyataan yang diberikan.*

Sikap Farid yang memukul Nazri sehingga pengsan itu memeranjatkan rakan-rakan dan guru-guru di sekolahnya. Mereka tidak menyangka bahawa Farid yang terkenal dengan sifat pendiam dan lemah lembut itu rupanya panas baran.

- ☐ A panas tidak sampai ke petang
- ☐ B air yang tenang jangan disangka tiada buaya
- ☐ C diam-diam ubi berisi, diam-diam besi berkarat
- ☐ D buat baik berpada-pada, buat jahat jangan sekali

7. *Pilih peribahasa yang paling sesuai berdasarkan pernyataan yang diberikan.*

Oleh sebab Rahmat tidak pandai bermain bola, maka dia hanya memerhatikan sahaja permainannya bermain bola.

- ☐ A patah kandar
- ☐ B kaki bangku
- ☐ C kaki ayam
- ☐ D kaki lima

8. *Pilih peribahasa yang paling sesuai berdasarkan pernyataan yang diberikan.*

Hasrul membelanjakan semua wangnya kerana terdengar khabar angin bahawa syarikatnya akan membayar bonus sebanyak dua bulan.

- ☐ A ikut hati mati, ikut rasa binasa
- ☐ B hendak seribu daya tak hendak seribu dalih
- ☐ C untung sabut timbul, untung batu tenggelam
- ☐ D mendengar guruh di langit, air di tempayan dicurahkan

9. Sebenarnya, Juhara yang bertungkus lumus menyiapkan projek itu tetapi Susanti pula yang mendapat pujian. Perbuatan ini diibaratkan _____.

- ☐ A burung terbang dipipiskan dada
- ☐ B sekali jalan kena, dua kali jalan tahu
- ☐ C lembu punya susu, sapi dapat nama
- ☐ D orang lain yang makan nangka, orang lain yang kena getahnya

10. Persahabatan Atirah dan Amani sangat akrab _____, apa-apa sahaja yang dilakukan pasti berdua.

- ☐ A bagai isi dengan kuku
- ☐ B bagai langit dengan bumi
- ☐ C sikit-sikit, lama-lama menjadi bukit
- ☐ D duduk sama rendah, berdiri sama tinggi

11. *Pilih peribahasa yang paling sesuai berdasarkan pernyataan yang diberikan.*

Meskipun beberapa orang saksi melihat kejadian itu, Razali tetap tidak mengaku bahawa dia yang memancitkan tayar kereta Cikgu Ismail.

- ☐ A seperti aur ditarik songsang
- ☐ B lempar batu sembunyi tangan
- ☐ C seperti gunting makan di hujung
- ☐ D marahkan nyamuk kelambu dibakar

12. Pegawai perubatan itu menasihati para ibu supaya memberikan makanan yang berzat kepada anak-anak mereka kerana _____.

- ☐ A hidup ini suatu perlumbaan
- ☐ B bersatu teguh bercerai roboh
- ☐ C kata-kata lebih tajam daripada mata pedang
- ☐ D otak yang cerdas ada pada badan yang sihat

13. Pilih peribahasa yang paling sesuai berdasarkan pernyataan yang diberikan.



Selepas berkahwin dua, Tuan Mohksin tidak lagi mempedulikan isteri pertama dan anaknya.

- ☐ A sudah dapat gading bertuah, tanduk tidak berguna lagi
- ☐ B mendengar guruh di langit, air tempayan dicurahkan
- ☐ C tiada rotan, akar pun berguna
- ☐ D patah tumbuh hilang berganti

14. Pengetua menasihati murid-murid supaya memanfaatkan masa yang ada dengan sebaik-baiknya kerana _____.

- ☐ A ilmu pelita hati
- ☐ B masa itu emas
- ☐ C bahasa jiwa bangsa
- ☐ D membazir itu amalan syaitan

15. Pilih peribahasa yang paling sesuai berdasarkan pernyataan yang diberikan.

Jumlah penduduk di Kuala Lumpur semakin meningkat kerana banyak peluang pekerjaan di situ.

- ☐ A ada rupa, ada harga
- ☐ B ada gula, ada semut
- ☐ C ada pasang surutnya
- ☐ D ada udang di balik batu

16. Negara-negara yang pernah menjajah negara kita dikenal sebagai negara-negara _____.

- ☐ A naik angin
- ☐ B atas angin
- ☐ C bawah angin
- ☐ D kepala angin

17. Abang Lukman banyak mendapat ilmu dan pengalaman kerana dia telah mengembara ke beberapa buah negara di seluruh dunia. Baginya, _____.

- ☐ A usaha tangga kejayaan
- ☐ B hidup ini suatu perlumbaan
- ☐ C bersekutu bertambah mutu
- ☐ D jauh berjalan luas pandangan

18. Pak Daim sanggup _____ untuk menyelamatkan cucunya daripada lemas di dalam tasik itu.

- ☐ A bergadai nyawa
- ☐ B bertikam lidah
- ☐ C bermuka dua
- ☐ D berhati waja

19. *Pilih peribahasa yang paling sesuai berdasarkan pernyataan yang diberikan.*

Khadijah tetap pergi ke majlis perkahwinan itu walaupun tidak diundang oleh tuan rumah.

- ☐ A alah biasa tegal biasa
- ☐ B hangat-hangat tahi ayam
- ☐ C harapkan pagar, pagar makan padi
- ☐ D hidung tidak mancung, pipi tersorong-sorong

20. Hanani disayangi oleh ibunya berbanding dengan kakaknya kerana dia _____ dan suka membantu ibunya melakukan kerja rumah.

- ☐ A cepat tangan
- ☐ B ringan tulang
- ☐ C ringan mulut
- ☐ D cuci tangan